

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.4 (27)

3 Oktober 2016
2 Muharam 1438

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 29/2016

PEMATUHAN ASPEK KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN BAGI SEMUA PROGRAM RASMI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dimaklumkan bahawa bagi menjaga keperluan dan kepentingan hubungan Universiti dengan pihak luar serta bagi memastikan semua aktiviti Universiti yang melibatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dipantau, **Mesyuarat Jawatankuasa Induk Keselamatan Kesihatan dan Pekerjaan Bil. 3/2016 bertarikh 27 September 2016**, telah memutuskan bahawa semua Fakulti/Bahagian/Unit/Pusat Tanggungjawab Universiti Teknologi Malaysia yang hendak melaksanakan program melibatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan sama ada di dalam atau di luar kampus, dikehendaki mengemukakan kertas kerja cadangan program ke Unit Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Universiti Teknologi Malaysia (OSHE) untuk perakuan sebelum dibawa untuk pertimbangan pihak pengurusan Universiti melalui Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU).

2. Walau bagaimanapun, kertas kerja tersebut hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Fakulti/Bahagian/Unit/Pusat Tanggungjawab masing-masing terlebih dahulu sebelum dikemukakan kepada Pengarah, Unit OSHE untuk ketetapan selanjutnya.
3. Sebagai panduan asas cadangan melaksanakan program tersebut, kertas kerja yang disediakan hendaklah mengandungi antara lain maklumat-maklumat seperti berikut:
 - i) Penganjur program
 - ii) Lokasi
 - iii) *HIRARC, Job Hazard Analysis dan Safe Operating Procedure* perlu disediakan dan hendaklah dipatuhi oleh penganjur, peserta, pengunjung dan lain-lain


- iv) Butiran terperinci mengenai program, kaedah program dilaksanakan, tahap keselamatan yang telah disediakan, termasuk kawalan keselamatan oleh Polis, Bomba, Rela, Angkatan Pertahanan Awam disediakan (jika perlu), termasuk paramedik
- v) Kebenaran/lesen daripada pihak yang meluluskan program, dan agensi-agensi/pihak berkuasa yang berkaitan dengan kelulusan melaksanakan program, termasuk pemilik premis telah diperolehi
- vi) Syarat-syarat kebenaran/lesen dipatuhi, termasuk faktor-faktor keselamatan dan kesihatan pekerjaan di patuhi
- vii) Sebarang penggunaan peralatan telah disemak tentang keselamatannya oleh pihak yang kompeten.

4. Mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan, semua Fakulti/Bahagian/Unit/Pusat Tanggungjawab Universiti Teknologi Malaysia dikehendaki mematuhi peraturan yang telah ditetapkan seperti di atas.

Sekian, terima kasih.

"Berkhidmat untuk Negara kerana Allah"

Yang benar,



WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN

Pendaftar

- s.k. - YBhg. Datuk Naib Canselor
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
- Bendahari
- Pengarah Kerja, Pejabat Harta Bina
- Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah